

**NO SOALAN :14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.11.2017**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menerima atau menolak penggunaan wang kripto atau crypto currency yang sedang digunapakai di beberapa negara termasuk beberapa agensi di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan mata wang digital lazimnya dijalankan di atas talian (*online*) dan secara rakan ke rakan (*peer-to-peer*). Kaedah ini menyukarkan pengumpulan maklumat terperinci berkaitan tahap penggunaan mata wang digital

di Malaysia. Berdasarkan pemantauan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) setakat ini, penggunaan mata wang digital di Malaysia adalah rendah. Jumlah dagangan mata wang digital melibatkan *Bitcoin* di Malaysia hanya sekitar 0.002 peratus berbanding jumlah dagangan dalam pasaran pertukaran asing tempatan pada tahun 2016.

Untuk memastikan kestabilan dan integriti sistem kewangan negara, pihak BNM akan mengeluarkan peraturan berkaitan penggunaan mata wang digital menjelang hujung tahun ini. Peraturan ini akan menekankan aspek pencegahan penggunaan mata wang digital untuk tujuan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan (*Anti-Money Laundering / Counter Financing of Terrorism, AML/CFT*). Di bawah undang-undang dan selaras dengan seksyen 24 Akta Bank Negara Malaysia 1958, hanya wang kertas dan syiling yang dikeluarkan oleh BNM sah diperlakukan di Malaysia. Ini bermakna, hanya transaksi yang diselesaikan di dalam mata wang ringgit akan dijamin nilainya oleh Kerajaan.

Oleh itu, orang ramai diingatkan agar berhati-hati terhadap risiko penggunaan mana-mana mata wang digital memandangkan nilainya yang tidak menentu dan terdedah kepada aktiviti seperti spekulasi, risiko penipuan melibatkan skim-skim pelaburan haram dan skim e-

*wallet* untuk mata wang digital yang tidak sah.

Bank Negara Malaysia (Bank) menyokong penggunaan dompet elektronik (*e-wallet*) yang merupakan sebahagian daripada agenda untuk menggalakkan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran). Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI), mana-mana pihak, sama ada bank atau bukan bank, perlu memohon kelulusan dari Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengeluarkan sebarang instrumen pembayaran yang ditetapkan (iaitu: kad caj, kad kredit, kad debit atau *e-money*) sama ada dalam bentuk kad atau dompet elektronik (*e-wallet*).

Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan di dalam e-pembayaran, Bank sentiasa menekankan aspek keselamatan dan kekukuhan sistem pembayaran yang terjamin. Justeru itu, pengeluar instrumen pembayaran berkenaan mesti mematuhi piawaian dan garis panduan yang dikeluarkan di bawah APK/APKI. Garis panduan sedia ada ini adalah terpakai ke atas semua pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan.

25

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK  
ANAK KUMBONG [HULU  
RAJANG]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2017  
(ISNIN)**

**SOALAN : 15**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

(a) bilakah Jalan Kanowit-Song-Kapit siap; dan

(b) bilakah Jalan Nanga Mujong ke Putai, Baleh siap.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Perhubungan Kanowit – Song – Kapit merupakan projek yang telah diluluskan secara berperingkat sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang melibatkan 11 pakej secara keseluruhannya. Daripada 11 pakej tersebut, 6 pakej telah siap dilaksanakan, 2 pakej dalam peringkat pembinaan, 1 pakej dalam peringkat pelantikan kontraktor, 1 pakej dalam peringkat semakan dokumen tender dan 1 pakej lagi dalam peringkat penyediaan rekabentuk. Secara keseluruhannya, Projek Jalan Perhubungan Kanowit – Song – Kapit akan siap sepenuhnya sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jalan daripada Nanga Mujong ke Putai, Baleh, Sarawak tiada dalam senarai projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM. Sekiranya Yang Berhormat ingin mencadangkan pelaksanaannya, maka Kementerian memohon supaya Yang Berhormat mengemukakan permohonan pelaksanaannya kepada Kerajaan Negeri

Sarawak supaya ianya dapat dimasukkan dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.